



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA, JANUARI 2026

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 0.4 peratus pada Januari 2026

PUTRAJAYA, 12 MAC 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Januari 2026**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 0.4 peratus pada Januari 2026 (28,579 tan metrik) berbanding pada Disember 2025 (28,684 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 5.9 peratus (Januari 2025: 30,357 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Januari 2026 disumbangkan terutamanya oleh pekebun kecil (87.6%) berbanding estet (12.4%).

Jumlah stok getah asli pada Januari 2026 meningkat 9.3 peratus kepada 133,042 tan metrik berbanding 121,686 tan metrik pada Disember 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 80.5 peratus diikuti kilang pengguna getah (19.3%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 41,983 tan metrik pada Januari 2026, meningkat 30.6 peratus berbanding Disember 2025 (32,139 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 40.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Januari 2026 diikuti Emiriah Arab Bersatu (15.2%), Jerman (13.6%), Amerika Syarikat (5.6%) dan Brazil (3.6%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai RM1.2 billion pada Januari 2026, menurun 8.5 peratus berbanding Disember 2025 (RM1.3 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan lateks pekat merekodkan penurunan iaitu 0.01 peratus (Januari 2026: 576.14 sen sekilogram; Disember 2025: 576.20 sen sekilogram) manakala sekerap meningkat 4.5 peratus (Januari 2026: 618.72 sen sekilogram; Disember 2025: 592.08 sen sekilogram). *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga Januari 2026 bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 5.9 peratus (daripada USD1.74/kg kepada

USD1.84/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 3.9 peratus (daripada USD2.06/kg kepada USD2.14/kg).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Januari 2026, pasaran getah Kuala Lumpur menunjukkan trend bercampur tetapi secara keseluruhannya stabil pada Januari 2026. Harga disokong oleh bekalan bahan mentah yang semakin terhad berikutan cuaca hujan di negara pengeluar utama, peningkatan harga niaga hadapan getah serantau, serta petunjuk ekonomi positif dari Amerika Syarikat dan China, termasuk perkembangan baik dalam sektor automotif China. Walau bagaimanapun, kenaikan harga dihadkan oleh ketidaktentuan dasar perdagangan dan tarif Amerika Syarikat, ketegangan geopolitik, turun naik harga minyak mentah, aktiviti pengambilan untung dalam pasaran niaga hadapan, serta pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat. Secara keseluruhan, kekangan bekalan dan faktor makroekonomi yang menyokong membantu mengekang risiko penurunan harga, menjadikan pasaran stabil dengan sedikit kecenderungan meningkat sepanjang bulan tersebut.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Disember 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Januari 2025, Desember 2025 - Januari 2026 ('000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Januari 2025, Desember 2025 - Januari 2026 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 MAC 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA, JANUARY 2026

Malaysia natural rubber production decreased by 0.4 per cent in January 2026

PUTRAJAYA, 12TH MARCH 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the Monthly Rubber Statistics, Malaysia, January 2026. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 0.4 per cent in January 2026 (28,579 tonnes) as compared to December 2025 (28,684 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 5.9 per cent (January 2025: 30,357 tonnes). Production of NR in January 2026 for Malaysia was mainly contributed by smallholders (87.6%) as compared to estates (12.4%).

Total stocks of NR in January 2026 increased by 9.3 per cent to 133,042 tonnes as compared to 121,686 tonnes in December 2025. Rubber processors factory contributed 80.5 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (19.3%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 41,983 tonnes in January 2026, increased 30.6 per cent as against December 2025 (32,139 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 40.3 per cent of total exports in January 2026 followed by the United Arab Emirates (15.2%), Germany (13.6%), the United States of America (5.6%) and Brazil (3.6%). The exports performance was contributed by NR-based product such as rubber gloves, tyre, tube and rubber thread. Rubber gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.2 billion in January 2026, a decrease of 8.5 per cent as compared to December 2025 (RM1.3 billion).

The analysis of the average monthly price showed that concentrated latex recorded a decrease of 0.01 per cent (January 2026: 576.14 sen per kg; December 2025: 576.20 sen per kg) while scrap increased by 4.5 per cent (January 2026: 618.72 sen per kg; December 2025: 592.08 sen per kg). The World Bank Commodity Price Data reported the prices January for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 5.9 per cent (from USD1.74/kg to USD1.84/kg) and SGP/MYS

(Singapore/Malaysia) increased 3.9 per cent (from USD2.06/kg to USD2.14/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in January 2026, the Kuala Lumpur rubber market traded on a mixed but generally stable trend in January 2026. Prices were supported by tightening raw material supply due to wet weather in major producing countries, higher regional rubber futures, and positive U.S. and Chinese economic indicators, including supportive developments in China's automobile sector. However, gains were capped by uncertainty over U.S. trade and tariff policies, geopolitical tensions, volatile crude oil prices, profit-taking in futures markets, and a stronger ringgit against the U.S. dollar. Overall, supply-side constraints and supportive macroeconomic factors helped cushion downside risks, resulting in a stable-to-slightly firmer market for the month.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st December 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agricultural sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber January 2025, December 2025 - January 2026 ('000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber January 2025, December 2025 - January 2026 ('000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 MARCH 2026**